

Headline	Waris HIV suami		
MediaTitle	Harian Metro (Johor)		
Date	16 May 2014	Color	Full Color
Section	News	Circulation	214,000
Page No	42	Readership	642,000
Language	Malay	ArticleSize	305 cm ²
Journalist	Mary victoria Dass	AdValue	RM 8,766
Frequency	Daily	PR Value	RM 26,298



Waris HIV suami

■ Mangsa bersama rakan bawa watak teater Aku Positif

Oleh Mary Victoria Dass

maryvictoria@hmetro.com.my

Johor Bahru

“Buat pertama kalinya saya dan enam rakan akan mendedahkan diri sebagai pembawa virus HIV positif menerusi teater Aku Positif (I'm P+) dan ia bukan sesuatu yang mudah,” kata seorang penghidap HIV positif yang dikenali sebagai Mastura, 45, semalam.

Katanya, niat itu adalah untuk membuka minda masyarakat dengan menampilkan harapan dan semangat pesakit HIV dan AIDS, sekali gus memupuk kesedaran umum.

Mastura berkata, menerusi pendedahan di pentas berkonsep teaterikal itu, dia dan bebe-

rapa rakannya memaparkan cerita berdasarkan kisah benar diri masing-masing.

Menurutnya, dua orang anaknya juga akan membantu bagi menghidupkan watak yang dilakonkan di teater berkenaan.

“Saya dan tiga orang anak pernah menyelongkar tong sampah bagi mencari sisa makanan untuk mengisi perut selepas bekas suami yang juga penghidap virus HIV menghilangkan diri.

“Lebih malang, akibat perbuatan suami mencuri dan menjual dokumen kelahiran anak

serta kad pengenalan saya, kehidupan kami menjadi terumbang-ambing,” katanya.

Mastura berkata, dia tidak

segan dengan apa yang dihadapinya kerana menjadi mangsa keadaan apabila dijangkiti virus HIV menerusi bekas suami.

“Saya menghidap HIV positif daripada bekas suami yang juga seorang penagih dadah. Dia sanggup melakukan apa saja termasuk menjual kelengkapan rumah, barang kemas dan sanggup menjual dokumen kelahiran anak serta kad pengenalan saya.

“Ia bertujuan mendapatkan wang bagi membeli bekalan dadahnya,” katanya.

Mastura berkata, teater Aku Positif (I'm P+) arahan Hamli Hamdan di JOTIC pada 30 dan 31 Mei diterbitkan Pertubuhan Kebajikan Sinar Sofia Johor dengan kerjasama Pertubuhan Amal Firdausi Kuala Lumpur (PAFI).

Menurutnya, pihaknya

yakin teater berkenaan akan memberikan satu perspektif berbeza di kalangan penonton selepas mengetahui fakta sebenar penghidap HIV.

“Semakin ramai penduduk di negeri ini, terutama suri rumah menghidap HIV berpunca daripada suami.

“Itulah sebabnya kami memilih pelakon sebenar.

“Selain suri rumah, terdapat bekas penagih, pekerja seks dan gelandangan yang akan menjayakan teater ini,” katanya.

Mastura berkata, orang ramai juga boleh melihat video latihan teater berkenaan yang dimuatkan di Youtube.

“Tiket untuk menonton teater ini berharga RM30 dan jualan tiket akan disalurkan ke tabung Sinar Sofia bagi membantu mereka yang memerlukan,” katanya.



MASTURA bersama dua anak perempuannya berlatih bagi melakonkan watak masing-masing di teater Aku Positif (I'm P+).

“Suami tergamak jual dokumen kelahiran anak demi dadah”
Mastura